

**IMEJ WANITA MELAYU BRUNEI DALAM
PENGABDIAN:**

SANNYA DALAM MASYARAKAT ¹

oleh

**Dayang Aminah binti Haji Momin
(Brunei Darussalam)**

Pengenalan

Apabila memperkatakan imej wanita Melayu, saya memilih dan mengangkat novel *Pengabdian* karya Norsiah Ghafar. Pemilihan novel ini bukanlah kerana Norsiah merupakan seorang wanita, tetapi tujuan besar pemilihan ini adalah berkaitan dengan *Pengabdian* itu sendiri yang mempunyai hubungan dengan perkara yang akan diperkatakan. Di samping itu, Norsiah ialah satu-satunya penulis wanita Brunei yang pertama berjaya menempatkan dirinya dan berjaya menyaingi penulis lelaki apabila dia menerima Hadiah Penghormatan Pertama dalam Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei 1983.²

Alasan lain mengapa novel *Pengabdian* (1987) (menggantikan novel *Lari Bersama Musim* karya Muslim Burmat) dipilih adalah disebabkan oleh novel ini telah diangkat sebagai buku teks sastera di sekolah-sekolah menengah atas³ mulai tahun 2001, iaitu setelah lebih kurang 14 tahun diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Bahasa dan Sastera, semperia Sidang Ke-40 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan Sidang Ke-6 Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada 11-12 Mac 2001 di Puteri Pan Pacific, Johor Bahru.

² Sehingga kini, iaitu setiap peraduan yang diadakan, belum ada penulis wanita yang dapat menduduki tempat pertama baik dalam peraduan novel, cerpen, sajak dan esei.

Sinopsis Pengabdian

Novel *Pengabdian* mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama dipecahkan kepada 12 bab manakala bahagian kedua mengandungi lapan bab, termasuklah bab penutup. Dr. Siti Nur yang berkelulusan kedoktoran perubatan dari England merupakan watak terpenting dalam novel ini dengan dibantu oleh watak-watak sampingan yang mewarnai perjalanan *Pengabdian* seperti Marof, Fatimah, Faisal, Hannah, Peter, Faridah, Shamsul, Udin, Shukri, Dayang dan Hindon. Siti Nur berasal daripada keluarga yang sederhana. Dia ialah anak sulung daripada enam orang adik-beradik (Zul, Zain, Hadi, Zamri dan Hannah). Siti Nur berkhidmat di Rumah Sakit kerajaan di bahagian Klinik Kanak-Kanak.

Novel *Pengabdian* menonjolkan pengabdian watak utama, iaitu Siti Nur dalam kehidupannya sehari-hari yang mengabdikan diri pada tugasnya sebagai seorang doktor, demikian juga pengabdian kepada keluarga, bangsa, agama dan negara. Siti Nur digambarkan sebagai seorang gadis yang berdedikasi, berbudi bahasa, lemah lembut, mudah meminta maaf, berdikari, tenang dan cantik. Sejak dari kecil lagi, Siti Nur dilukiskan sebagai seorang anak yang sudah pandai berdikari. Perwatakan Siti Nur dilukiskan begitu sempurna dalam serba-serbi dan agak berlebihan sehinggakan wataknya menjadi terlalu ideal. Melalui dialognya sahaja sudah dapat menghidupkan sifat peribadi watak Siti Nur.

Tiada siapa dapat menduga, di samping kesibukan tugas sehari-hari sehinggakan kadang-kadang mengabaikan tanggungjawab sendiri, Siti Nur diam-diam menghidap penyakit kanser ovari kanan (malignan) yang melarat ke nodus limpa dan sukar untuk sembuh. Sebagai seorang doktor, Siti Nur menyedari bahawa dia hanya boleh hidup selama setahun sahaja lagi. Walaupun Faisal, teman sekerjanya menyedari yang hayat Siti Nur tidak bertahan lama namun kerana cintanya kepada Siti Nur begitu mendalam, akhirnya telah membawa mereka ke jinjang pelamin. Untuk mengabdikan kenangan kepada masyarakatnya, terutamanya untuk anak-anak di tanah Darussalam, dalam

³ Bagi Sekolah Menengah Bawah 1-3 pengajaran unsur-unsur kesusasteraan diserapkan dalam sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu Surat Keliling Bil. KPE/S/84/88 bertarikh 11 Januari 1993 hingga sekarang.

usianya yang sejemput itu, Siti Nur telah berjaya menulis sebuah buku yang berjudul *Kanak-Kanak dan Penyakit*. Walau bagaimanapun, Siti Nur tidak dapat melihat penerbitan buku tersebut kerana dia telah kembali ke rahmatullah terlebih awal dan segala urusan percetakan dan penjualan buku tersebut telah diteruskan oleh suaminya, Faisal. Hasil penjualan buku tersebut telah didermakan untuk tabung anak-anak yatim negeri. Demi tugu kasih seorang suami kepada isterinya, Faisal telah menubuhkan Yayasan Siti Nur untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik di bumi Darussalam. .

Berdasarkan penonjolan sifat dan perwatakan Siti Nur, novel ini telah diangkat menjadi salah sebuah buku teks sastera di sekolah menengah, di samping antologi cerpen *Meniti Waktu* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), antologi puisi *Cermin Diri* (Jabatan Kurikulum, 2000) dan *Hikayat Awang Kamaruddin* (sastera klasik), (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000 - cetakan kedua).

Novel ini telah dinilai sebagai genre sastera hiburan yang mengungkapkan kenyataan kehidupan sehari-hari. Melalui pengungkapan yang sederhana, Norsiah berjaya menyentuh perasaan paling halus kita. Novel ini kemudiannya telah diadaptasikan dalam bentuk drama TV dengan judul *Pengabdian* dan telah mendapat sambutan yang cukup baik daripada penonton di Brunei.

Kedudukan Wanita Melayu (Islam) Brunei

Apabila memperkatakan kedudukan wanita Melayu di Negara Brunei Darussalam, bolehlah dikatakan bahawa kaum wanita amat beruntung kerana tidak wujud perbezaan dari segi pemberian kedudukan dalam jawatan di antara lelaki dan wanita, kerana sejak awal-awal lagi, kaum wanita telah diberi hak yang sama dengan lelaki tanpa membuat tuntutan. Kanak-kanak perempuan diberikan peluang untuk belajar dari peringkat tadika hingga ke peringkat universiti tanpa

halangan⁴ walaupun pada dasarnya mereka agak lambat diberikan pendidikan formal di sekolah-sekolah berbanding dengan penuntut kanak-kanak lelaki.⁵

Di Negara Brunei Darussalam, kaum wanita amat berbangga kerana sesetengah mereka dapat menjawat jawatan lebih tinggi dan mampu berganding tenaga dengan kaum lelaki. Pihak kerajaan telah memberikan peluang yang cukup menggalakkan kepada kaum wanita di negara ini untuk menjawat jawatan dan memikul tanggungjawab bersama-sama dengan kaum lelaki untuk mencurahkan bakti kepada negara, bangsa dan agama. Jawatan tertinggi yang disandang oleh wanita Brunei ketika ini ialah 'Ambassador at Large' yang dipegang oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ibni Al-Marhum Sultan Haji Omarali Saifuddien, sementara jawatan Setiausaha Tetap dipegang oleh Datin Paduka Hajah Azizah⁶ binti Dato' Paduka Panglima Asgar Haji Abdullah, dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan oleh Datin Paduka Hajah Misli binti Haji Awang yang sebelumnya menjawat Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan. Duta Besar wanita Brunei yang pertama ialah Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad yang telah dilantik sebagai Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis.

Dalam agama Islam, wanita digalakkan mengambil peranan yang bersesuaian dengan mereka dalam melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Bagaimanapun terdapat pengecualian bagi tugas-tugas tertentu, terutamanya yang berkaitan dengan konsep kepimpinan seperti yang terdapat dalam surah al Nisa' ayat 34 yang tafsirannya adalah seperti yang berikut:

⁴ Datin Paduka Dayang Hajah Jusnani binti Haji Lawie, 1998. 'Wanita Melayu Brunei Menghadapi Abad Ke-21', dlm. *Melayu Brunei Abad Ke-21*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁵ Aminah Haji Momin, 'Cerpenis-Cerpenis Wanita Brunei Darussalam Menjelang Alaf Baru: Cabaran dan Harapan' dlm. *Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke10*, pada 16 - 20 April 1999 anjuran bersama Yayasan Warisan Johor, DBP, Kuala Lumpur dan Gapena, Hotel Hayyat Johor.

⁶ Sebelum ini pernah menjawat Naib Cancellor Universiti Brunei Darussalam.

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh sebab Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka".

Ciri-ciri Wanita Melayu (Islam) dalam *Pengabdian*

Dalam bab pertama pada bahagian yang pertama, *Pengabdian* memperlihatkan hampir keseluruhan ceritanya menghuraikan atau menyerlahkan nilai-nilai Islam dan ciri-ciri wanita Melayu (Islam) yang ada pada watak Siti Nur. Dalam Bab Dua pada bahagian kedua pula, novel ini mengisahkan tanggungjawab Fatimah sebagai seorang isteri dan ibu serta melayani anak menantu dalam kehidupan seharian keluarganya dari awal pagi hingga ke malam. Fenomena seperti ini terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu (Islam) di Brunei Darussalam yang patut ditonjolkan untuk dijadikan contoh dan teladan.

Nilai Islam dan ciri-ciri budaya Melayu tersebut dapat dilihat daripada pelbagai aspek kehidupan Siti Nur. Watak ini bukan sahaja menghormati orang yang lebih tua daripadanya malah anak-anak kecil juga diberi layanan yang sama. Siti Nur memang seorang wanita yang ideal, yang mempunyai perwatakan yang amat sesuai dengan ciri-ciri wanita Melayu (Islam) itu sendiri. Di bawah ini saya petik perbualan Sid Nur dengan Samuel, iaitu seorang pakar bedah muda yang baru balik dari 'United Kingdom' yang cuba mengajak Siti Nur keluar makan tengah hari. Siti Nur terpaksa menolak pelawaan tersebut kerana ibunya akan sampai dari Kuala Belait.

"Sorrylah, Sam. Saya pulang ke rumah hari ini. Ada janji dengan mama. Lain kali saja ya?" (Hlm:4).

Sebagai wanita Timur, Siti Nur memegang kukuh budaya Melayu dan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya. Dia memberikan perhatian dan layanan yang sama rata kepada semua orang termasuklah anak-anak kecil seperti petikan di bawah ini:

Siti Nur juga berdiri mahu pulang. Tiba-tiba telefon berbunyi [...] Ia diminta ke wad empat sebentar. Siti Nur singgah ke sana dalam perjalanan pulang. [...] "Ini budak Shamsul. Dia tidak mahu kami mengambil darahnya. Dia hendakkan doktor juga." [...]

Tidak mengapa. Biar saya yang ambil," jawab Siti Nur ...

[...]

Selesai merawat Shamsul, Siti Nur memastikan dulu kalau ada yang memerlukannya lagi sebelum pulang. Bila semua beres, barulah ia melangkah pulang. Sudah pukul dua belas setengah dan terbayang wajah ibunya di benaknya. (Hlm. 5- 6).

Nilai-nilai Islam dan sikap terpuji yang wujud dalam budaya Melayu seperti menanamkan sifat kasih sayang serta menghormati sesiapa sahaja telah diajarkan sejak kecil lagi. Oleh sebab itulah pelajaran sivik di sekolah-sekolah tadika hingga ke peringkat pengajian tinggi yang mengandungi falsafah Melayu Islam Beraja diberi keutamaan dalam pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Pembentukan dan pendidikan moral⁷ dan akidah memang sangat perlu dimulai bukan sahaja di rumah malah juga di sekolah-sekolah.

Unsur-unsur Didaktik dalam *Pengabdian*

Novel *Pengabdian* terlalu bersifat didaktik. Unsur-unsur didaktik banyak ditemui dalam novel ini kerana terlalu banyak kebaikan yang ditonjolkan secara berlebihan, terutamanya pada watak Siti Nur. Watak yang dipegang bukan sahaja sebagai seorang doktor yang berdedikasi terhadap pekerjaannya malahan merupakan seorang wanita yang ideal, taat setia kepada ibu bapa dan juga sentiasa menasihati adik-adiknya supaya berbuat baik (lih: Haji Magon, Mei 1988:23) seperti contoh petikan di bawah ini:

⁷ Perkara ini ada hubung kaitnya dengan perkembangan pendidikan sekarang ini kerana globalisasi pendidikan tidak boleh disekat berikutan dengan perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat. "Pendidikan moral perlu diterapkan dalam sistem pendidikan global untuk mengelakkan penyelewengan dan penyalahgunaan terhadap ilmu dan maklumat." (lih: Lichong Angkul, *Berita Harian*, 13 Februari 2001).

"Kau pakai anting-anting itu untuk apa Zul? Setahu kakak cuma kaum perempuan saja yang memakai anting-anting:" Siti Nur cuba menegur dengan lembut.

"Ini fesyen baru kak. Masa kakak masih di UK dulu fesyen ini baru nak popular."

"Fesyen-fesyen juga Zul. Bukan dilarang mengikut fesyen itu tapi lihatlah dulu kalau ia bersesuaian dengan tatasusila bangsa kita. Lelaki yang memakai anting-anting tak boleh menjadi imam, tau?" (Hlm. 85 - 86).

Unsur didaktik lain yang ingin ditonjolkan oleh pengarang ialah unsur nasihat anak kepada ibunya. Walaupun Siti Nur belum pernah berpeluang menjadi seorang ibu yang mempunyai anak tetapi Siti Nur dapat menasihati ibunya untuk melakukan sesuatu yang terbaik untuk adik-beradiknya. Watak Siti Nur yang dilukiskan oleh pengarang adalah terlalu ideal sehingga dapat mengetahui dan melakukan sesuatu yang belum pernah dilaluinya. Di samping itu, Siti Nur turut menasihati ayah saudaranya (dengan panggilan Usu) yang dipenjarakan kerana pemberontakan, seperti contoh petikan di bawah ini:

"Usu! Bukanlah maksud Siti menulis surat ini ibarat kata orang ingin mengajar itik yang sudah pandai berenang. Kerana Siti tahu siapa Siti dan siapa Usu, Siti hanyalah pangkat anak umpama hidup baru setahun jagung. Sedangkan Usu adalah pangkat bapa kepada Sid dan sudah tentu lebih dahulu makan garam seperti kata peribahasa kita. Siti mengerti tidak ada seorang bapa yang ingin ditegur oleh seorang anak akan perbuatan-perbuatannya. Sedang lumrah hidup kita adalah sebaliknya. Tapi Usu, pada pendapat Siti ada masanya seorang itu memerlukan teguran dan petunjuk dari orang lain tidak kira orang itu lebih tua atau lebih muda dari dirinya. Kerana selagi manusia itu digelar manusia, sifat-sifat lalai dan alpa tidak dapat dihindari..... (Mm. 98).

Di samping watak Sid Nur yang memainkan peranan besar dalam novel *Pengabdian* ini, watak Fatimah, iaitu ibu Siti Nur tidak kurang juga pentingnya memaparkan imej wanita Melayu Brunei. Sebagai seorang ibu, Fatimah

sanggup berkorban untuk memberikan masa depan yang cerah demi anak-anaknya. Walaupun Fatimah dan suaminya Marof hidup sederhana tetapi dapat membesarkan enam orang anaknya sehinggakan semua anaknya berjaya menuntut ke luar negara (United Kingdom) kecuali Hannah yang masih menuntut di sekolah menengah. Siti Nur sudah bergelar doktor, Zul anak lelaki yang tertua mengikuti jurusan teknikal, Zain dalam jurusan kejuruteraan, Hadi memilih jurusan undang-undang dan Zamri, iaitu anak bongsunya dalam bidang perubatan.

Walaupun Fatimah merupakan seorang ibu yang penyayang tetapi dia tidak terlepas daripada pelbagai dugaan. Dua orang anaknya, iaitu Zul dan Hannah menghadapi masalah sosial. Zul yang masih menuntut di England sering ponteng kuliah, berpoya-poya dan akhirnya gagal dalam ujian. Fatimah amat kecewa dengan perkara ini. Begitu juga dengan anak gadisnya, Hannah yang sering keluar rumah menghadiri parti hari jadi kawan-kawannya. Walaupun rasa kecewa sering menghantui dirinya, tetapi Fatimah tidak pernah menyalahkan anak-anaknya dan sebaliknya sering kali menyalahkan dirinya sendiri. Untuk kesejahteraan semua anaknya, Fatimah sering berdoa selepas selesai sembahyang, seperti petikan yang berikut:

"Fatimah selalu berdoa di dalam sembahyangnya supaya anakanaknya semua selamat di rantau orang dan akan pulang dengan kejayaan. Dan ia selalu juga berdoa supaya Hannah ditutup hatinya pada perkara-perkara yang tidak senonoh; dibukakan hati pada hal-hal yang berkebaikan". (Hlm. 63).

Kasih sayang Fatimah terhadap suami juga jelas dilukiskan oleh Norsiah. Menghormati suami dan mentua sangat dituntut dalam agama Islam. Budaya Melayu, memberikan nilai yang sama terhadap kedua-dua perkara di atas untuk mendapatkan keberkatan dunia dan akhirat. Perkara tersebut sering ditekankan oleh ibu bapa kepada anak-anak ketika mereka mula membesar. Jika mereka melanggar nasihat ini, biasanya akan dikatakan `anak ketulahan'. Untuk mengelakkan diri daripada dilabel sebagai anak ketulahan, budaya Melayu telah

menanamkan nilai-nilai moral, etika dan akhlak (keagamaan) sebagai nilai utama dalam kehidupan sehari-hari. Mengambil berat tentang ibu atau ayah mentua misalnya, telah dilukis oleh Norsiah melalui watak Fatimah yang tetap melayani keperluan ayah mentuanya walaupun sibuk dengan tugas sehariannya.

"... tugas Fatimah bermula dari bilik tidur dan ruang tamu. [...] Tapi ayah mentuanya sebagai seorang tua yang amat gemar makan ikan-ikan yang masih licin berkilat sisiknya, sayur-sayur yang masih hijau dan segar-bugar baru dipetik dan ayam hidup yang disembelih sendiri. Fatimah sebagai seorang menantu yang begitu menghormati kehendak orang tua tidak mahu mengingkari ayah mentuanya, keistimewaan itu dilakukannya. biarpun ia terpaksa berpenat lelah. Menghormati orang tua adalah satu keberkatan. Begitu pendapatnya". (Hlm. 104).

Unsur-unsur didaktik seumpama ini memang baik ditonjolkan dalam sesebuah karya untuk dihayati oleh pembaca supaya mereka berfikir ke arah membuat kebaikan dalam kehidupan seharian. Banyaknya unsur didaktik yang termuat dalam novel ini menyebabkan ia sesuai diajar kepada para pelajar sekolah menengah.

Unsur-unsur Propaganda dalam *Pengabdian*

Propaganda yang bermaksud ideologi atau pendapat yang dihebahkan untuk mempengaruhi orang ramai, khususnya pembaca banyak ditemui dalam novel *Pengabdian*. Nada propaganda pengarang melalui watak Siti Nur cukup jelas digambarkan, iaitu bagaimana Siti Nur banyak mengetahui hal-hal pemberontakan yang berlaku pada tahun 1962. Ini merupakan sifat ideal yang patut ada pada setiap rakyat Brunei yang sudah mencapai kemerdekaan. Rakyat harus mengetahui sejarah tanah airnya. (Haji Magon, 1988:23)

Propaganda lain yang digambarkan oleh pengarang ialah melalui pengetahuan Siti Nur dalam bidang keagamaan (keindahan Islam). Walaupun pada dasatnya pengarang tidak menggambarkan latar belakang pendidikan agama Siti Nur, namun dia dapat memberikan ceramah tentang kebaikan Islam secara mendalam. Kita lihat petikan-petikan di bawah ini.

"Manusia memerlukan garis panduan dalam kehidupan dan perbuatan mereka terutama dari segi peradaban dan moral. Manusia dengan pelbagai naluri dan ragamnya menghendaki satu kuasa penggerak untuk mereka membuat yang baik dan meninggalkan yang jahat. Menghendaki kehadiran satu kuasa yang boleh menimbulkan naluri takut dan hormat. Kuasa itulah Tuhan yang memberikan manusia itu agama. Agama yang berupaya menyediakan satu undang-undang moral yang tidak dapat diberikan oleh undang-undang yang dicipta oleh manusia. Agama sebagai satu garis panduan dapat melahirkan satu ciri kehidupan yang sempurna dan sejahtera...." (Hlm. 48).

"Jangan cepat terpedaya, Nah. Keindahan dan kecantikan yang telah dicipta oleh Tuhan untuk kita itu sebenarnya bukanlah hak kita untuk ditayang-tayangkan. Untuk dibangga-banggakan. Ingatlah, mata yang cantik itu boleh jadi buta. Bibir yang indah itu boleh jadi sumbing dan tangan yang cantik itu boleh jadi puntung kalau Tuhan menghendaki. Dan Tuhan mengurniakan keindahan dan kecantikan malah diri kita seluruhnya juga sebagai amanah yang mesti dijaga dengan baik. Dan menjaganya ialah dengan melindungi ia dari arah kemaksiatan. Kan sesuatu keindahan itu akan mempesonakan orang clan dari sana mungkin akan menyebabkan orang...." (Hlm. 65).

"... wanita ini sebenarnya Tuhan jadikan untuk menjadi seorang ibu. Kita dengan sifat-sifat yang lemah lembut dan tenaga fizikal yang kurang dari kaum lelaki adalah diamanahkan untuk menjadi seorang suri rumah tangga, menjaga kepentingan suami dan anakanak. Peranan ini sangat penting. Sebab kan anak-anak itu satu masa nanti akan menjadi orang dewasa, yang akan mencorak dunia masa depan...." (Hlm. 66).

Petikan-petikan tersebut memperlihatkan pengetahuan Siti Nur dalam hal keagamaan. Peranan yang dimainkan oleh Siti Nur merupakan

propaganda pengarang untuk menyedarkan betapa pentingnya menjaga nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Pengabdian pengarang dalam novel *Pengabdian* bukan setakat itu sahaja, malah sebagai seorang pengarang wanita, Norsiah cuba membuka mata kaum wanita di negaranya supaya sedar akan tanggungjawab yang dipikul di bahu mereka seperti petikan kata-katanya di bawah ini:

“... Sebenarnya kita perlu mahu membuktikan bahawa kita ini kuat dan sama dengan lelaki. Kalau mengikut keadaan yang sebenarnya dari segi fizikal kita tidak dapat menandingi lelaki. Tetapi dari segi mental iya!”

[...]

Sedangkan dari segi lain pula sudah banyak kaum wanita yang berjaya merampas kerjaya-kerjaya yang dulunya hanyalah dimonopoli oleh lelaki.

[...]

"Kalau mereka merasa berupaya dan tidak menjejaskan peranan mereka di dalam rumah tangga, kan lebih baik begitu. Di samping berbakti untuk rumah tangga berbakti untuk negara itu pun suatu pahala". (Hlm.66).

Perwatakan Dr. Siti Nur

Siti Nur merupakan seorang doktor yang bertanggungjawab dan mengambil berat tentang pesakitnya dan juga orang lain walaupun terpaksa mengabaikan keperluan dan kepentingan dirinya sendiri. Nilai-nilai Islam, terutamanya nilai moral dan akhlak yang ada dalam diri Siti Nur cukup memberikan gambaran yang positif untuk dicontohi oleh para pembaca. Kita dapat melihat bagaimana Siti Nur begitu tenang ketika menerima berita tentang penyakit yang dihadapinya daripada Dr. Douglas.

"Saya takkan putus harapan." Siti Nur memberi pengakuan dengan tenang.

"Aku akan terima semua ini dengan tabah. Jika ini adalah suratan hidupku,

aku akan terima ini dengan sabar". Siti Nur sempat berbisik dalam hati. (Hlm. 143).

Siti Nur digambarkan sebagai seorang gadis yang berdedikasi, berbudi bahasa, lemah lembut, mudah meminta maaf, berdikari, tenang dan cantik. Sejak dari kecil, Siti Nur dilukiskan sebagai seorang anak yang rajin dan pandai berdikari.

"... Tengok seperti Kakak Siti. Dulu Kakak Siti susah. Ibu sering menyebut-nyebut bagaimana Kakak Siti mengambil upah mendobi pakaian-pakaian jiran untuk belanja saku. Sampai pecah-pecah tapak tangannya terkena berus. Dan bagaimana Kakak Siti menolong ibu menjahit baju-baju upahan orang. Sampai larut malam mahu menyudahkan baju-baju itu apabila dekat musim raya ... (Hlm. 58).

... Siti Nur senang juga membantunya. Pulang dari sekolah selepas sembahyang Zuhur belum lagi makan tengah hari sudah angkat kain-kain jemuran. Kemas dapur tak payah Fatimah ikut-ikutan. Bersih rumah dan halaman. Lipat pakaian. Seterika baju. Dan ada pula masa mendobi pakaian-pakaian orang untuk mendapatkan wang saku. Dan Siti Nur lulus juga. Berjaya juga dalam pelajarannya. Sekarang sudah dapat kerja yang baik dengan gaji lumayan. Berkat senang membantu orang tua". (1-11m. 106).

Penutup

Dengan memberikan beberapa gambaran positif melalui jalan cerita, mesej dan tema yang dilukiskan oleh pengarang, sewajarnya novel *Pengabdian* ini diangkat dan dijadikan buku teks sekolah menengah. Kesan daripada membaca novel ini, jelas memberikan banyak pengajaran yang baik dari segi moral, etika dan akhlak yang mulia dan terpuji untuk menjadi panduan kepada para pelajar.

Di samping itu, novel *Pengabdian* boleh dijadikan sumber rujukan tentang kedudukan serta peranan kaum wanita baik dari segi peranannya sebagai seorang ibu, isteri, menantu dan pekerja. Hal-hal sedemikian kurang ditemui

dalam novel-novel yang ditulis oleh penulis lelaki kerana sebahagian besar penulis lelaki kurang sekali menyorot konflik dan pergolakan jiwa watak-watak wanitanya dengan wajar dan mendalam sebagai makhluk yang rasional dan mempunyai fikiran untuk bertindak, terutamanya dalam soalsoal yang menentukan masa depan mereka sendiri⁸

Sedikit tentang Norsiah

Dari segi realitinya, Hajah Norsiah binti Haji Abdul Gapar yang dilahirkan pada 24 April 1952 memang seorang wanita yang lemah lembut, cantik, dan sangat bersopan. Norsiah pernah menuntut di Maktab Teknikal Southampton, Haunts, 'United Kingdom' (UK) pada tahun 1972 dan berjaya memperoleh ijazah dalam bidang Kaji Kimia Hayat dari Universiti Surrey, Guildford pada tahun 1978. Pada tahun 1997 Norsiah memperoleh Satjana dalam bidang 'Clinical Biochemistry'. Kini Norsiah bertugas sebagai Pemangku Ketua Pegawai Saintifik dan Ketua Bahagian Makmal Kimia Klinikal, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan Brunei. Norsiah mempunyai empat orang anak, iaitu tiga orang perempuan dan seorang lelaki. Anak sulungnya bertugas sebagai Penasihat Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara; anak keduanya sedang menuntut tahun kedua di Universiti Reading UK dalam jurusan "Political Science and International Relations", dan dua orang lagi anaknya masih menuntut di Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Rujukan

A. Magon Haji Ghafar, 1988. 'tanggapan Hashim Awang terhadap Novel *Pengabdian*' dlm. *Bahana*, Mei, hlm. 22 - 27.

Aminah Haji Momin, 1999. "Cerpenis-Cerpenis Wanita Brunei Darussalam Menjelang Alaf Baru: Cabaran dan Harapan" kertas kerja dlm. *Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-10*, 16 - 20 April di Johor. Awang bin Ahmad,

⁸ Rosnah binti. Baharudin, 'Peranan dan Kedudukan Wanita Malaysia, Antara 1957- 75 Berdasarkan Novel-novel Oleh Novelis Wanita', tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979, hlm. 4.

1988. "Ciri-ciri Pengabdian dalam Novel *Pengabdian*" dlm. *Bahana*, September, hlm. 25 -28.

Jusnani Haji Lawie, Datin Paduka, Hajah, 1998. "Wanita Melayu Brunei Menghadapi Abad Ke-21" dlm. *Melayu Brunei Abad Ke-21*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan, 1998. (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muslim Burmat, 1985. "Sebuah Percakapan dengan Norsiah Abdul Gapar" dlm. *Bahana*, Mac, hlm. 18 -21.

Norsiah Abdul Gapar, 1987. *Pengabdian*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnah binti Baharudin, 1979. "Peranan dan kedudukan Wanita Malaysia, Antara 1957 - 1975 Berdasarkan Novel-Novel oleh Novelis Wanita". Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.